

CNS7645

R GB 14-10 00236 BC702

bah

MASA PANDANG KE TIMUR KATA MAHATHIR KEPADA EROPAH

Mahathir - Eropah

(EMBARGO: Untuk siaran selepas pukul 9.30 malam)

Daripada Azman Uj any

I

HONG KONG, 14 Okt (Bernama) -- Sembilantahun, selepas melancarkan dasar +Pandang ke Timur +supayarakyat Malaysia mempelajari kejayaan ekonomi Jepun dan Korea Selatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa Eropah meniru cara yang sama.

Katanya penduduk Eropah berbelanja lebih daripada yang mereka perolehi dan dibayar terlalu banyak bagi kerja sedikit yang mereka lakukan.

Dalam satu lagi ucapan yang menggambarkan pandangan konsistennya mengenai amalan perdagangan yang tidak adil negara maju Utara terhadap negara membangun, Dr Mahathir juga berkata negara membangun yang mencapai kemakmuran ekonomi terutang budi kepada Jepun dan kejayaan rakyatnya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapan dasar pada makan malam Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur di Grand Hyatt Hotel di sini.

+Rakyat Asia pernah memandang ke Barat bagi tunjuk ajar dan contoh teladan. Mungkin sudah tiba masanya Eropah memandang ke Timur bagi tujuan yang sama. Mungkin forum ini boleh memenuhi tujuan tersebut, + katanya kepada kira-kira 380 ketua eksekutif perbadanan terkemuka dan pegawai kanan korporat dan pembuat dasar dari seluruh dunia yang berkumpul di sini bagi persidangan tiga hari itu.

Eropah, katanya, tidak boleh mengharapkan orang lain menyokong pembazirannya kerana rakyat Eropah mahu taraf hidup yang tinggi tetapi tidak bersedia berkorban. -- Lagi

▼14/10/21-13MST

CNS7655.

R GB 14-10 001.61 BC703

bah

Mahathir - Eropah 2 Hong Kong

+Apabila dicadangkan orang Eropah mengamal taraf hidup yang lebih rendah bagi mengekalkan keadaan itu, mereka menerimanya dengan terkejut. Tetapi mereka mengharapkan negara miskin mengeksploit sendiri sumber asli mereka kerana ia diperlukan untuk mengekalkan keadaan Utara,+ kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai apa yang dimaksudkannya, ia mungkin berguna untuk cuba membayangkan dunia tanpa Jepun.

Tanpa Jepun, Eropah dan Amerika akan menguasai dunia perindustriaan, menetapkan piawaian dan harga yang perlu dibayar oleh mereka dan negara lain dunia bagi barangan yang mereka sahaja keluarkan.

Bahan mentah dari negara miskin Selatan akan ditetapkan pada kadar terendah manakala negara Eropah Utara menjadi pembeli tunggal.

Negara miskin Selatan tidak akan mampu membeli radio dan televisyen dan barangan rumah lain yang kinilumrah kerana a peladang tidak akan memiliki lori dan kereta kecil kerana semua barangan Eropah dijual dengan harga mahal. -- Lagi

♥14/10/21-28MST

CNS7661

R GB 14-10 00184 BC70.4

bah

Mahathir - Eropah 3 (Akhir) Hong Kong

+Amnya Selatan mempunyai taraf hidup yang lebih rendah,+ tambahnya.

Dr Mahathir berkata tanpa Jepun, negara Asia Timur tidak mempunyai negara contoh dan terus percaya Eropah tidak boleh dicabar dalam bidang yang mereka terokai dan perbaiki.

Jepun membuktikan ia boleh dilakukan dan boleh dilakukan dengan baik oleh negara lain Asia Timur yang berani mencuba dan mendapati mereka juga boleh berjaya seperti Jepun.

+Asia Timur tidak lagi terikat dengan perasaan rendah diri. Mereka kini percaya apa yang Jepun boleh lakukan, mereka juga boleh. Dan mereka membuktikannya, + kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata ramai mempertikaikan gambaran yang beliau berikan tetapi sebuah dunia tanpa Jepun sudah tentu berbeza.

+Mungkin tidak salah jika kita katakan negara kaya akan menjadi kaya dan Selatan yang miskin menjadi lebih miskin. Pengusahaan Eropah ke atas akan kekal.+

+Negara seperti Malaysia akan terus menanam getah dan melombong bijih timah dan menjualnya pada harga yang ditetapkan oleh pelaranggan kaya,+ kata Dr Mahathir yang akan berlepas ke Jepun esok untuk lawatan seminggu. -- Bernama

♥14/10/21-55MST